



SHIRE PULAU KRISMAS NOTIS AWAM

25/17

28 Ogos 2017

PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN 21 OKTOBER 2017 PENAMAAN

Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan (CI) 1955, perenggan ke 44, Shire Pulau Krismas akan mengadakan Pilihan raya pada 21 Oktober 2017, Sabtu, bagi mengisi 5 kekosongan berikut:

Kawasan-5 Ahli Majlis Pulau Krismas
5 kerusi kosong ini akan tamat tempoh pada Oktober 2021.

HARI PENAMAAN DIBUKA: 7 September 2017, Khamis

TARIKH TUTUP: 14 September 2017, Khamis, jam 4 petang

Penamaan mesti dijalankan sebelum tarikh yang ditentukan dan hantar kepada pegawai pilihan raya Pulau Krismas di pejabat Shire yang beralamat di Murray Road, George Fam. (Sekiranya beliau tiada, sila serah kepada penolong pegawai pilihan raya).

Syarat Penamaan

Calon wajib serah dokumen berikut kepada pegawai pilihan raya

- Borang Penamaan yang sempurna disertai tanda tangan calon dan saksi (borang boleh diperoleh di pejabat Shire Pulau Krismas)
- Lampiran biodata calon, ditulis atas kertas A4 dengan Bahasa Inggeris dan tidak lebih daripada 150 perkataan.
- Deposit adalah \$80 (tunai, cek bank atau wang kiriman pos)
- Gambar saiz pasport terkini (tidak wajib)

Sekiranya calon menghantar borang melalui agen, harus mengisi borang serah hak dan tanda tangan. Borang Penamaan dan Biodata calon mesti dihantar bersama, dan boleh kirim melalui pos ke PO Box 863 Pulau Krismas, Lautan Hindi 6798 WA, atau melalui faks (08-9164-8304) atau serah dengan tangan kepada pegawai pilihan raya. Semua borang, termasuk deposit, perlu dihantar kepada pegawai pilihan raya sebelum tarikh tutup.

Informasi

Sesiapa yang melebihi usia 18 dan sebagai pengundi Pulau Krismas, dan tidak dilucutkan hak bawah Akta Pulau Krismas (CI), layak dicadang untuk bertanding. Sesiapa yang minat, boleh berhubung dengan pegawai pilihan raya atas talian 08-9164 8300, bagi memperoleh maklumat lanjut mengenai kelayakan bertanding dan langkah-langkah penamaan.

David Price

Ketua Pegawai Eksekutif/ Pegawai Pilihan Raya